

TPPA perluas pasaran Malaysia

Oleh **AZMAN IBRAHIM**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Jan. - Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan memperluaskan pasaran dagangan Malaysia dan mewujudkan kepelbagaian destinasi eksport yang turut mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, pada waktu ini, kira-kira 70 peratus pasaran dagangan negara tertumpu di Asia, 12 peratus di Amerika Utara, 11 peratus di Eropah dan kira-kira tujuh peratus dari negara-negara lain.

Katanya yang juga Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), adalah amat penting pasaran dagangan itu diperluas sehingga ke Amerika Utara dan ke Amerika Selatan seperti Kanada, Amerika Syarikat, Mexico, Chile dan Peru.

“Kalau dapat, besarkan jumlah eksport ke Amerika Utara dan Amerika Selatan. Cuba bayangkan kualiti eksport yang kita ada ke pasaran-pasaran tersebut.

“Kalau berlaku krisis ekonomi di Asia seperti yang pernah berlaku suatu masa dahulu, paling tidak pasaran-pasaran lain dapat mem-



Kalau dapat, besarkan jumlah eksport ke Amerika Utara dan Amerika Selatan. Cuba bayangkan kualiti eksport yang kita ada ke pasaran-pasaran tersebut.”

NOOR AZLAN GHAZALI

**Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan
Majlis Profesor Negara**

bantu melindungi ekonomi negara ini,” katanya dalam sidang akhbar mengenai TPPA di pejabatnya di Bangunan Canselori UKM, Bangi dekat sini.

Tambah Noor Azlan, TPPA juga membuktikan kecanggihan ekonomi Malaysia yang kini setaraf dengan negara-negara maju.

Katanya, sebanyak 221 produk yang dikeluarkan dari negara ini merupakan produk canggih serta kompleks.

Menurutnya, Indeks Kecanggihan Ekonomi Dunia 2013 turut menunjukkan prestasi Malaysia yang memberangsangkan iaitu berada di tangga ke-34 daripada 186 negara.

Beliau memberitahu, pada

1964, Malaysia berada di tangga ke-70 dalam indeks tersebut.

“Sebanyak lima negara yang akan menyertai TPPA berada di hadapan Malaysia dalam indeks berkenaan,” jelas beliau.

Mengenai peluang pekerjaan, dari segi logik ekonomi, kata Noor Azlan, dagangan yang terbuka pasarannya akan meningkatkan pengeluaran dan secara lazimnya mewujudkan peluang pekerjaan.

“Apabila pasaran dibuka, lebih banyak produk dihasilkan, sekali gus mencipta lebih banyak pekerjaan. Jika Malaysia menjadi destinasi pelaburan yang tinggi juga mencipta peluang pekerjaan,” ujarnya.

